



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PELANCARAN JEJANTAS PUDU SENTRAL DAN KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 17 Januari 2013 – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin hari ini melancarkan jejantas Pudu Sentral dan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan di Pudu Sentral, Kuala Lumpur. Beliau turut mengadakan sesi *walkabout* di Pudu Sentral untuk meninjau secara peribadi dan beramah mesra dengan pengunjung, penjaja dan peniaga di samping mendengar permasalahan dan pandangan daripada mereka.

Projek jejantas sepanjang 60 meter yang menelan belanja sebanyak RM2.3 juta ini telah mula dibina pada 22 Jun 2011 dan siap pada 19 Disember 2012. Dengan adanya jejantas ini yang menghubungkan Pudu Sentral dengan Bangunan Maybank akan dapat menjamin keselamatan dan memberikan keselesaan kepada orang ramai yang menyeberangi jalan raya. Ianya juga akan menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam di mana jejantas ini menghubungkan terus para pengguna ke Terminal Bas Pudu Sentral dan Stesen LRT Plaza Rakyat.

Kempen Kibar Bendera yang telah dianjurkan sejak tahun 2004 bertujuan untuk memperkenalkan bendera Wilayah Persekutuan kepada semua rakyat khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan. Pemberian bendera Wilayah Persekutuan yang diedarkan secara percuma juga adalah untuk menggalakkan warga Wilayah Persekutuan mengibarkan bendera di rumah, premis perniagaan dan kenderaan di sepanjang Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013. Melalui kempen ini diharapkan agar nilai-nilai murni seperti rasa sayang atau '*sense of belonging*' kepada Wilayah Persekutuan di kalangan warga Wilayah Persekutuan akan dapat disemai dan dipupuk.

Pelbagai pengisian aktiviti Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan telah diatur dan akan dianjurkan oleh KWPKB, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Penganjuran aktiviti-aktiviti kali ini turut menyasarkan penglibatan golongan muda seperti pelajar-pelajar sekolah, kolej serta universiti. Selain itu, ia juga turut menggalakkan penglibatan secara aktif daripada persatuan penduduk, peniaga, sektor awam dan juga sektor swasta di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Antara aktiviti-aktiviti Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan kali ini adalah seperti Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan di Putrajaya dan Program Berbasikal 1Wilayah Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013 yang akan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan bermula dari Putrajaya ke Kuala Lumpur.

Penglibatan syarikat-syarikat swasta dan badan-badan korporat termasuk pengendali lebuhraya seperti PLUS, AKLEH, NPE, DUKE, MEX dan lain-lain turut disarankan untuk mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di sepanjang lebuhraya, bangunan dan premis masing-masing. Melalui Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2013 ini diharap akan dapat memupuk rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan bagi mencapai matlamat dalam membangunkan bersama kecemerlangan dan kegemilangan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang Maju dan Sejahtera.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

17 Januari 2013

Kuala Lumpur